

The

Fakulti Kejuruteraan Pembuatan

# LEAN



edisi 3/2009 : Februari



# DECON 2008

TJ  
1180  
.L42  
2009  
a  
v3

EDISI

Faculty of Manufacturing Engineering, University Teknikal Malaysia Melaka (UTeM),  
Karung Berkunci 1200, Hang Tuah Jaya, 75452 Ayer Keroh, Melaka.  
Tel: 06-233 2421/2427/2576 Faks: 06-233 2414 Email: fkp@utem.edu.my



## Aluan Dekan

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Sepuluh kedua tahun 2008 telah menyaksikan pelbagai aktiviti yang telah dijalankan dalam memenuhi misi fakulti untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran kejuruteraan pembuatan yang berkualiti, serta penyelidikan dan perundingan yang memenuhi keperluan semasa.

Fakulti telah menyambut beberapa orang staf yang telah tamat cuti belajar dan mula bertugas semula. Pada masa yang sama beberapa orang staf telah mula mengikuti program cuti belajar, sama ada untuk ijazah sarjana mahupun doktor falsafah. Untuk mengukuhkan lagi tenaga pengajar fakulti, dua orang staf kontrak (luar negara) telah melaporan diri. Semoga dengan pertambahan staf akademik ini akan meningkatkan lagi pencapaian fakulti dalam kualiti pengajaran, penyelidikan dan penerbitan.

Bulan Julai adalah amat bermakna kepada kursus Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan (Pengurusan Pembuatan) dan Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan (Bahan Kejuruteraan). Ini kerana kedua-dua kursus telah dilawati oleh Majlis Akreditasi Kejuruteraan (EAC) untuk tujuan pengiktirafan. Staf Jabatan Pengurusan Pembuatan dan Jabatan Bahan Kejuruteraan telah bertungkus-lumus dan memberikan sumbangan terbaik untuk memastikan proses pengiktirafan berjalan dengan lancar.

Pada permulaan sesi 2008/09, fakulti telah menerima seramai 391 orang pelajar baru dimana 236 daripadanya memasuki tahun satu dan selebihnya pelajar tahun dua. Pada Majlis Konvokesyen ke-4 pula, seramai 316 pelajar telah bergraduat. Seorang graduan dari Kursus Bahan Kejuruteraan, Cik Chang Siang Yee telah berjaya mendapat Anugerah DiRaja bagi pencapaian cemerlang beliau sepanjang pengajian di UTeM. Tahniah diucapkan.

Aktiviti kemuncak pada tahun 2008 ialah penganjuran Persidangan Kebangsaan Rekabentuk dan Kejuruteraan Serentak (DECON 2008) pada 28-29 Oktober 2008. Persidangan yang telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Malaysia itu telah berjaya membentangkan 84 kertas kerja dalam bidang-bidang berkaitan.

Semua aktiviti dan program yang telah dijalankan sepanjang tahun, dan juga kejayaan cemerlang yang dikecapi oleh fakulti adalah hasil usaha dan kerjasama semua staf, sama ada akademik, teknikal mahupun staf sokongan. Saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan di atas sumbangan dan usaha yang telah diberikan. Saya yakin dengan sumbangan positif dan kerjasama dari semua pihak, Fakulti Kejuruteraan Pembuatan akan lebih cemerlang dimasa hadapan.

Selamat berjaya dan Terima kasih.

# table of contents



### Aluan Dekan

#### Main:

1. DECON 2008

#### Aktiviti Pelajar:

1. Majlis Makan Malam Hari Raya Aidilfitri & Mesyuarat Agung S.M.E.
2. Majlis Makan Malam Alumni FKP
3. Target Camp

#### Aktiviti Staf:

1. Lawatan Pemeriksa Luar Jabatan Rekabentuk Pembuatan Dan Jabatan Robotik & Automasi
2. Accreditation Programme For Bachelor Of Manufacturing Engineering (Manufacturing Management) With Honours And Bachelor Of Manufacturing Engineering (Engineering Materials) With Honours
3. Mesyuarat Panel Industri Jabatan Robotik & Automasi dan Jabatan Rekabentuk Pembuatan
4. Bengkel Perancangan Tahunan 2009
5. Industrial Talk: Recent Trend in Dimensional Metrology by CD. Measure (M) Sdn. Bhd
6. Ceramah Industri: The Importance and Application of Production Tools in Sheetmetal Working and Injection Moulding Process
7. Bengkel "Outcome Based Education"
8. Bengkel Pemantapan Jabatan Rekabentuk Pembuatan
9. Bengkel Pemantapan Jabatan Robotik & Automasi
10. Program Khidmat Masyarakat: Ceramah Kerjaya Dan Motivasi Untuk Pelajar Tingkatan 5 (Siri II)

#### Makalah Teknikal:

1. How to Statistically Determine the Assembly Tolerances.
2. Pollution Control and Prevention Methods in Metal Casting Manufacturing Industries

#### Penerbitan/Persidangan

1. Modul Pengajaran
2. Research Grants
3. Exhibitions
4. Paper Publications
5. Short Courses and Workshops

#### FKP News & Information:

1. Analisis Keputusan Peperiksaan Akhir Semester 1 2008/2009
2. FKP News
3. New Equipment

### EDITORIAL BOARD PATRON

Y.Bhg. Prof. Dr. Ahmad Yusoff Bin Hassan (Vice Chancellor, UTeM)

#### Advisor

Prof. Dr. Mohd. Razali Bin Muhamad (Dean, Faculty of Manufacturing Engineering, UTeM)

#### Chief Editor

Dr. Bagas Wardono.

#### Editors


Nur Azriah bt. Amir,  
Nur Aidawaty binti Rafan,  
Nurazua binti Mohd Yusop,  
Liew Pay Jun,  
Hasoloan Haery Ian Pieter,  
Dr. Jariah binti Mohamad Juoi,  
Razifah Binti Mat Rais.

#### Student Editors

AJK SME

#### Graphics Designer

Mohd Syiham Akmal Bin Saaban (Publication Department UTeM).



# PENGHARGAAN

Seluruh warga Fakulti ingin merakamkan ucapan penghargaan dan rasa terima kasih yang tak terhingga kepada mantan Dekan iaitu Y.Bhg. Prof Dr. Mohd Razali bin Muhamad yang telah menerajui Fakulti selama lebih empat (4) tahun mulai 1 November 2004 hingga 31 Januari 2009. Jasa dan sumbangan beliau adalah tidak ternilai kepada pembangunan dan kemajuan FKP. Semoga beliau akan terus berjaya sebagai Dekan Pusat Pengajian Siswazah.

# TAHNIAH

Mulai 1 Februari 2009, FKP mengalu-alukan pelantikan Y.Bhg. Dr. Mohd Rizal bin Salleh sebagai Dekan menggantikan Y.Bhg. Prof. Dr. Mohd Razali bin Muhamad. Diharap seluruh warga FKP akan bersama-sama memberi kerjasama dan komitmen yang tinggi dalam membantu beliau memajukan Fakulti.

# DECON 2008

Liew Pay Jun

The National Conference on Design and Concurrent Engineering (DECON) 2008, following the success of DECON 2006, has been organized by Faculty of Manufacturing Engineering (FKP – UTeM) with the support of Institution of Engineers Malaysia (IEM) and Majlis Rekabentuk Malaysia (MRM). This conference was held on 28 and 29 October 2008 in Avillion Legacy Hotel, Melaka. With the theme "Design Excellence for Manufacturing sustainability", it provides a good platform for researchers, academicians, engineer and industrial practitioners to share and disseminate latest technologies, scientific, engineering achievements and findings in the general field of manufacturing engineering, specifically in the design areas. Besides that, it also gives information and instills awareness on the opportunities of collaboration among local academic institutions and industrial partnerships in the activities of co-operation, research and consultancy.

In this conference, there were 84 papers presented. The participants were mostly from local Malaysia, but there were also some participants from Myanmar and Japan. The topics discussed covered the subject of Material Selection in Design, Product and Process Innovation, Concurrent Engineering, Design of Control System, Design for Environment and Sustainability, Analysis Techniques in Design, Product and Industrial Design, Design for Manufacturing and Assembly, Product Innovation, Reverse Engineering, Rapid Prototyping, Ergonomic Design, Artificial Intelligent and Design Automation.

DECON 2008 was officiated by Yg. Berhormat Datuk Ir. Hj. Idris Bin Harun, Timbalan Menteri, Kementerian Pengajian Tinggi. During the closing ceremony, Yg. Berhormat Datuk Hj. Mohamad Yunus Bin Hussin, Pengerusi Jawatankuasa Perindustrian, Perdagangan, Pembangunan, Keusahawanan dan Koperasi Negeri Melaka, was invited to represent Ketua Menteri Melaka. Special thanks to the organizing committee for their contributions toward the success of this conference. Congratulations!





# MAJLIS MAKAN MALAM HARI RAYA AIDILFITRI & MESYUARAT AGUNG S.M.E.

Dyah Dahari - SME

Pada 29 Oktober 2008, Society Of Manufacturing Engineer (S.M.E) telah menganjurkan Majlis Makan Malam Hari Raya Aidilfitri dan Mesyuarat Agung S.M.E di Cafeteria Kampus Industri. Seramai 600 orang pelajar telah hadir bagi memeriahkan majlis ini. Majlis pada malam itu berjalan lancar seperti yang dirancang.

Selain daripada meraikan Hari Raya Aidilfitri, Mesyuarat Agung S.M.E turut diadakan. Mesyuarat dimulakan dengan kata-kata aluan daripada Presiden S.M.E 2007/2008 iaitu Ahmad Firdaus Bin Mohd Azmi dan diikuti dengan pembubaran Jawatankuasa S.M.E Sesi 2007/2008. Sejurus kemudian, pemilihan Jawatankuasa S.M.E Sesi 2008/2009 diadakan. Berikut ialah senarai nama Jawatankuasa S.M.E 2008/2009 :



Mohd Hafizullah Bin Hamzah	(2BMFA2)	: Presiden
Mohammad Naim Bin Rahmat	(2BMFR2)	: Naib Presiden 1
Afiqah Binti Amran	(2BMFR2)	: Naib Presiden 2
Nurhidayah Binti Muhamad Dahari	(1BMFP2)	: Setiausaha
Siti Aisah Binti Mustapa	(1BMFU2)	: Naib Setiausaha
Nadhiahani Binti Abdullah	(2BMFA2)	: Bendahari
Saiful A	(2BMFB2)	: Biro Akademik & Kerjaya
Nur Adila Binti Mohamad Ramli	(1BMFP2)	: Biro Akademik & Kerjaya
Mohamad Syawal Bin Remeli	(1BMFP2)	: Biro Keusahawanan & Teknokrat
Suraya Binti Laily	(1BMFP2)	: Biro Keusahawanan & Teknokrat
Nik Nurfathi Nadia Binti Nik Mustaffa	(1BMFP2)	: Biro Kebajikan & Kemasyarakatan
Muhammad Faisal Bin Musa	(1BMFA2)	: Biro Kebajikan & Kemasyarakatan
Mohd Iskandared'zuan Bin Mohd Parok	(2BMFA2)	: Biro Kepimpinan & Hal Ehwal Fakulti
Nor Syahida Hani Binti Jufrin	(2BMFB2)	: Biro Kepimpinan & Hal Ehwal Fakulti
Mohd Azril Bin Mohd Azli	(2BMFB2)	: Biro Sukan & Rekreasi
Mariani Binti Hassim	(1BMFP2)	: Biro Sukan & Rekreasi
Nur Asma Binti Zainudin	(2BMFA2)	: Biro Informasi & Publisiti
Mohamad Fahmi Bin Mohd Yasin	(1BMFA2)	: Biro Informasi & Publisiti

## MAJLIS MAKAN MALAM ALUMNI FKP

Ridzuan Jamli

Pada 21 Jun 2008, bertempat di Hotel Renaissance Melaka, satu Program Majlis Makan Malam dan Ramah Mesra Bersama Alumni Fakulti Kejuruteraan Pembuatan telah dianjurkan secara bersama antara Jabatan Proses Pembuatan, wakil daripada Society of Manufacturing Engineering (SME) dan ahli terpilih daripada Alumni UTeM (AUTeM), serta Fakulti Kejuruteraan Pembuatan. Program Majlis Makan Malam dan Ramah Mesra Bersama Alumni FKP bagi tahun 2008 ini adalah program yang dirancang oleh Jabatan Proses Pembuatan bersama ahli Alumni Fakulti Kejuruteraan Pembuatan UTeM dengan tujuan untuk menghimpunkan semula bekas pelajar Fakulti Kejuruteraan Pembuatan. Program ini dijalankan bersesuaian dengan aspirasi untuk mewujudkan rangkaian hubungan yang baik di antara graduan dengan pihak fakulti bagi mengukuhkan peranan dan fungsi alumni sekaligus membina kerjasama dan merangka program bersama yang lain di masa akan datang. Program seperti ini adalah julung-julung kali diadakan. Sesungguhnya penganjuran program seumpama ini akan memberikan manfaat yang cukup besar dalam konteks merapatkan jaringan silaturrahim sesama alumni di samping menghubungkan semula bekas-bekas pelajar dengan Fakulti



Objektif utama program ini adalah untuk mengeratkan lagi hubungan silaturrahim di antara pensyarah dan para Alumni Fakulti Kejuruteraan Pembuatan dan sesama ahli Alumni. Selain itu, objektif program ini juga adalah untuk mengemaskini pangkalan data status semasa ahli Alumni Fakulti Kejuruteraan Pembuatan untuk kegunaan rujukan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan. Para Alumni juga berpeluang untuk berkongsi idea, pandangan dan cadangan serta saluran sebarang masalah dan hal-hal yang berkaitan di antara sesama ahli Alumni dan di antara Alumni dan Fakulti. Sejurus selepas ketibaan semua peserta program termasuk Y.Bhg. Prof. Dr. Mohd Razali Bin Muhammad, Dekan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan UTeM, majlis dimulakan dengan ucapan aluan wakil Alumni UTeM (AUTeM), Fakulti Kejuruteraan Pembuatan. Majlis kemudiannya diteruskan dengan ucapan pembukaan oleh Y.Bhg. Dekan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan UTeM, dan penyampaian cenderahati. Para peserta bersurai sejurus selepas makan malam. Diharapkan program seperti ini dapat memberikan manfaat yang tinggi kepada semua pihak dan dapat diteruskan pada masa akan datang



## TARGET CAMP

Mohamad Nizam bin Ayof



Tanggal 16 Ogos 2008 yang lepas, pihak FKP telah berjaya menganjurkan program khas, Target Camp untuk pelajar-pelajar kemasukan terus dari tahun 1 dan 2. Program yang dijalankan secara in-house ini telah dijayakan oleh para pensyarah FKP. Penceramah jemputan dari kalangan pensyarah FKP telah berkongsi pengalaman belajar, teknik-teknik belajar, motivasi, dan survival hidup di UTeM. Beberapa aktiviti Latihan Dalam Kumpulan (LDK) juga telah dilaksanakan dengan harapan memberi memberi semangat dan pengisian kemahiran insaniah yang diketuai oleh En. Wan Hasrulnizam. Seramai 50 orang pelajar telah mengikuti Target Camp ini dengan jayanya. Kem ini diakhiri dengan aktiviti berkanak di Kampus Utama, Durian Tunggal.

## LAWATAN PEMERIKSA LUAR JABATAN REKABENTUK PEMBUATAN DAN JABATAN ROBOTIK & AUTOMASI

Nurazua binti Mohd Yusop, Nur Aidawaty bte Rafan, Tajul Ariffin Bin Abdullah

Jabatan Rekabentuk Pembuatan dan Jabatan Robotik & Automasi telah mengaturkan satu siri lawatan oleh pemeriksa luar pada 15 hingga 17 Disember 2008 yang lalu. Pemeriksa Luar tersebut adalah;

**Prof. Dr. Ir. Sapuan bin Salit**

Ketua Jabatan Bahan Kompost

Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan Fakulti Kejuruteraan, Universiti Putra Malaysia  
(bagi Jabatan Rekabentuk Pembuat)

**Prof. Dr. Nazim Mir-Nassiri**

Professor, School of Engineering, Swinburne University of Technology

(bagi Jabatan Robotik & Automasi) (Sarawak Campus, Kuching, Malaysia).

Prof. Dr. Ir. Sapuan Bin Salit telah dilantik sebagai pemeriksa luar bagi kursus Rekabentuk Pembuatan manakala Prof. Dr. Nazim Mir-Nassiri adalah bagi kursus Robotik & Automasi untuk tempoh dua tahun. Tujuan kehadiran pemeriksa luar ini adalah untuk memastikan perjalanan segala pengajaran dan pembelajaran, kurikulum dan silibus serta hal-hal berkaitan dengan jabatan seperti kemudahan makmal dan peralatan, fasiliti, pelajar serta staf menepati nilai-nilai kualiti semasa. Lawatan pemeriksa luar ini juga merupakan salah satu keperluan untuk memenuhi penilaian yang ditetapkan oleh EAC.

Mereka juga berkesempatan untuk bertemu dan berbincang dengan para pelajar tahun empat dan juga para staf jabatan disamping menilai fail subjek serta beberapa dokumen seperti beberapa Laporan Projek Tahun Akhir, soalan Peperiksaan Akhir serta Laporan Makmal pelajar.

Disamping itu, Prof. Dr. Ir. Sapuan juga telah menyampaikan syarahan akademik bertajuk "Concurrent Engineering for Composite Research" manakala tajuk syarahan yang disampaikan oleh Prof. Dr. Nazim pula adalah "Robotic & Automation: What makes a difference".

Akhir sekali, bagi meraikan kedatangan pemeriksa luar ini, pihak fakulti telah menganjurkan satu jamuan makan malam bertempat di Quayside Seafood Café & Restaurant.

### ACCREDITATION PROGRAMME FOR: BACHELOR OF MANUFACTURING ENGINEERING (MANUFACTURING MANAGEMENT) WITH HONOURS AND BACHELOR OF MANUFACTURING ENGINEERING (ENGINEERING MATERIALS) WITH HONOURS

Effendi Mohamad & Intan Sharhida Bte Othman

#### Introduction:-

At the beginning of the year 2008, there were two courses offered by the Faculty of Manufacturing Engineering of UTeM applying for the accreditation from the Engineering Accreditation Council (EAC). The accreditation by EAC was conducted on 23 – 24 July 2008. EAC is the body delegated by Board of Engineers Malaysia (BEM) for the accreditation of engineering degrees. EAC is made up by representative of the BEM, The Institution of Engineers Malaysia (IEM), the National Accreditation Board (Lembaga Akreditasi Negara (LAN)), and the Public Services Department (Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA)).

The objective of accreditation is to ensure that graduates of the accredited engineering programmes satisfy the minimum academic requirements for registration as a graduate engineer with the BEM and for admission to graduate membership of IEM. In addition, the objective of accreditation is to ensure that Continual Quality Improvement (CQI) is being practiced by IHLs (Institute of Higher Learning's), and accreditation may also serve as a tool to benchmark engineering programmes offered by IHLs in Malaysia.

Each of the departments are assessed and evaluated based on the following criteria.

Criterion 1: Academic Curriculum

Criterion 2: Students

Criterion 3: Academic and Support Staff

Criterion 4: Facilities

Criterion 5: Quality Management Systems

### Examples of preparations that had been done

- Determine the PEO (Programme Objective)
- Determine the PO (Programme Outcome)
- Updated file subjects for first year till fourth year
- Provide sample of lab reports
- Provide sample of answer sheet and exam questions
- List of Publications for department
- Professional members of academicians
- Assessment and evaluation of POs
- Evaluation or review of curriculum with industry/Advisory panel annua
- Provide the proof action that had been taken from external examiner comments
- Explain credit transfer policies
- Provide checklist of vetting of Examination Question Papers
- Provide proof to show industries involvement in formulating and establishing PEOs

### Overall Comments from EAC auditors regarding the two programmes are as follow

- 1) Both programmes have established strong industrial linkages. It is noted that the academic staffs are mostly young showing high motivation. This can ensure continuity of the programmes.
- 2) The following were noted for both programmes:
  - Evidence is not available on methods of establishing indicators for the score on the respective POs with respect to course outcomes.
  - None of the programme staff is registered professional engineer.
  - High laboratory hours for most of the core and elective courses.
  - There were evidences on the analysis elements for the examination questions for the elective courses. There were also evidences on analysis and design for the reviewed final year projects for the Manufacturing Management. However, most of the reviewed examination questions for the core courses were at level two of cognitive domains.
- 3) The high laboratory hours for the core and elective courses would affect the focus for in-depth coverage for the affected courses which in turn would affect the coverage on the analysis and synthesis aspects of the related courses.
- 4) The descriptive nature (level two of cognitive domain) of the most of the examination questions for the core courses would also affect the attainment of the analytical and synthesis abilities of the students.
- 5) There are evidences of higher level cognitive domains being addressed namely analysis and design for the elective courses and the reviewed final year projects for the Manufacturing Management Programme. Thus, to certain extent the Manufacturing Management Programme addressed the requirements of PO2 and PO3.
- 6) It is noted that the curriculum is more focus on manufacturing at the core courses level. These core courses provide adequate foundation for the Manufacturing Management electives. This is not the case for the Engineering Materials Programme.
- 7) Specific for Engineering Materials: Low emphasis on PO No 2 (The ability to design, develop, implement and maintain manufacturing systems) for the elective courses for the Engineering Materials Programme.

### Conclusions:-

These findings provided by the EAC auditors should be used for all departments in FKP to improve overall performance.



## MESYUARAT PANEL INDUSTRI JABATAN ROBOTIK & AUTOMASI DAN JABATAN REKABENTUK PEMBUATAN

Nur Aidawaty Rafan dan Nurazua Mohd Yusop

Mesyuarat Panel Industri Jabatan Robotik & Automasi dan Jabatan Rekabentuk Pembuatan telah diadakan pada 13 Disember 2008. Mesyuarat industri seperti dibawah:

ini diadakan untuk menilai kurikulum Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan (Robotik dan Automasi) dan Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan (Rekabentuk Pembuatan) yang melibatkan wakil panel dari industri. Hasil mesyuarat ini akan digunakan untuk tujuan akreditasi pada pertengahan tahun 2009 yang mana ianya penting untuk dinilai bagi usaha untuk mengukuhkan dan meningkatkan kualiti graduan Jabatan Robotik dan Automasi dan Jabatan Rekabentuk Pembuatan, Fakulti Kejuruteraan Pembuatan. Panel industri yang telah dilantik akan memberi pandangan dan maklumbalas terutamanya mengenai kurikulum dan silabus agar sejajar dengan keperluan serta sentiasa relevan dengan isu semasa dunia industri.

Bagi Jabatan Robotik & Automasi, panel industri yang telah dilantik terdiri daripada wakil daripada industri seperti berikut

- Proton Holdings Berhad
- Petronas Penapisan Melaka Sdn Bhd
- AI Automation Sdn Bhd
- Xyratex (Malaysia) Sdn Bhd
- SMC (Malaysia) Sdn Bhd
- Easy Technology Industries Sdn Bhd
- On Semiconductor (M) Sdn Bhd

- Proton Holdings Berhad
- DreamEdge Sdn Bhd
- Sensata Technologies Malaysia Sdn Bhd
- Total Maintenance Resources
- Sony EMCS (Malaysia) Sdn Bhd
- Hampshire Aerospace Sdn Bhd



## BENGGKEL PERANCANGAN TAHUNAN 2009

Pada 22 hingga 23 Disember 2008, Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) telah berjaya menganjurkan Bengkel Perancangan Tahunan 2009 di Damai Laut, Lumut, Perak.

Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk merancang dan memperincikan perancangan aktiviti tahun 2009 dan seterusnya menentukan tanda aras pelaksanaan perancangan tersebut. Selain itu, bengkel ini juga telah membincangkan pencapaian objektif fakulti sepanjang tahun 2008 serta SKT dan aktiviti 2008.

Bengkel ini telah dihadiri oleh Dekan, Timbalan Dekan (Akademik), Ketua-Ketua Jabatan dan 3 wakil dari setiap jabatan serta 2 wakil dari Bahagian Pentadbiran. Senarai peserta untuk bengkel tersebut adalah seperti berikut

- |                                       |  |
|---------------------------------------|--|
| 1. Prof Dr Mohd Razali bin Muhamad    | 17. Encik Abd Halim Hakim bin Abd Aziz         |
| 2. Encik Abdul Rahim bin Samsudin     | 18. Encik Taufik                               |
| 3. Prof. Dr. Md Dan bin Md Palil      | 19. Encik Wan Hasrulnizam bin Wan Mahmood      |
| 4. Dr. Mohd Rizal bin Salleh          | 20. Encik Effendi bin Mohamad                  |
| 5. Dr. Mohd Warikh bin Abd Rashid     | 21. Encik Nik Mohd Farid bin Che Zainal Abidin |
| 6. Encik Tajul Ariffin bin Abdullah   | 22. Dr Zamberi bin Jamaludin                   |
| 7. Encik Azrul Azwan bin Abdul Rahman | 23. Puan Syamimi binti Shamsuddin              |
| 8. Encik Nor Akramin bin Mohamad      | 24. Encik Mohd Hisham bin Nordin               |
| 9. Dr Ahmad Kamely bin Mohamad        | 25. Encik Muhammad Hafidz Fazli bin Md Faudi   |
| 10. Encik Mohd Shahir bin Kasim       | 26. Encik Mohamad Nizam bin Ayof               |
| 11. Encik Azman bin Mat Aris          | 27. Encik Jeefferie bin Abd Razak              |
| 12. Encik Ammar bin Abd Rahman        | 28. Encik Jaafar bin Lajis                     |
| 13. Encik Mohamad Ridzuan bin Jamli   | 29. Cik Azriah binti Amir                      |
| 14. Dr Azizah binti Shaaban           | 30. Cik Erni hazra binti Md Johan              |
| 15. Dr Jariah binti Mohamad Juoi      | 31. Cik Marhamah binti Ahmad                   |
| 16. Encik Ismail bin Abu Shah         |  |



## INDUSTRIAL TALK: RECENT TREND IN DIMENSIONAL METROLOGY BY CD MEASURE (M) SDN. BHD.

Mohammad Kamil Sued

On 25th October 2008, an Industrial Talk was organized by the Department of Manufacturing Process for the students who registered the subject of Engineering Metrology, BMFP 3542 (a total of 270 students). The program took place at lecture rooms 5 and 6, Industrial Campus, UTeM. The talk was presented by Dr. Lim Chin Keong, the Director of CD Measure (M) Sdn. Bhd. This company is one of the leading company offering high precision and measurement services. The service covers the whole of Southeast Asia, China, Japan and other countries. The objectives of the program are:-

- To deliver the knowledge, understanding and application of Engineering Metrology subject in industry to the students.
- To introduce the challenges that needs to be faced by the students in the working environment.
- To introduce the students about the current technology available in the market.
- To build the relationships between the industry and university as a platform towards smart university-industry partnership.
- To create the opportunity for marketing the university graduate students.

The talk was started at 9:00 am and was opened by the Deputy Dean of Academic, En. Abdul Rahim Samsudin. The presentation topic by Dr. Lim, which was about the Recent Trend in Dimensional Metrology, was divided into two sub topics: The Traceability of Calibration Standard in Malaysia and Advanced Dimensional Metrology Application in Industry. The talk took about two hours and at the end of the program, souvenirs were given as a token of appreciation by the Department of Manufacturing Process, Faculty of Manufacturing Engineering, UTeM. Around 11:00 am, refreshment was served to all participants. This talk was able to attract the attention of the students and to enhance their determination in studies.



## CERAMAH INDUSTRI: اوبنومر سبتى تىكنىدى THE IMPORTANCE AND APPLICATION OF PRODUCTION TOOLS IN SHEETMETAL WORKING AND INJECTION MOULDING PROCESS

Ismail Bin Abu Shah

Pada 18hb Oktober 2008 yang lalu bertempat di BK 14,15 & 16, telah diadakan satu ceramah industri yang bertajuk "The Importance and Application of Production Tools in Sheetmetal Working and Injection Moulding Process". Program ini telah dihadiri oleh 110 orang pelajar Tahun 3 yang mengambil subjek BMFR3143 – Production Tool Design. Penceramah dari Fujitsu Component (M) Sdn Bhd telah dijemput untuk memberikan ceramah pada hari tersebut dimana dua orang wakil iaitu En. Mohd Fadzil selaku Penolong Pengurus Parts Production Department beserta Juruteknik Kanannya En. Azmi telah hadir dengan membawa beberapa 'tools', iaitu alatan yang biasa diguna pakai didalam penghasilan produk Fujitsu.

Ceramah yang dimulakan seawal jam 9.00 pagi telah dimulakan dengan kata-kata ucapan dari penyelaras subjek iaitu En. Ismail dengan mengalu-alukan kedatangan mereka ke UTeM, diikuti dengan ceramah pertama yang menyentuh tentang Fujitsu serta produk yang mereka hasilkan. Memandangkan kebanyakan komponen yang dihasilkan adalah membuat komponen fizikal untuk sensor di dalam sektor automotif, penekanan terhadap lukisan yang perlu diguna pakai untuk penghasilan produk amatlah penting.


Setelah berhenti rehat, ceramah diteruskan dengan menunjukkan demonstrasi penggunaan serta pemasangan 'tools' untuk proses stamping oleh En. Azmi. Malangnya pihak penceramah tidak dapat membawa alatan yang digunakan didalam proses moulding memandangkan saiznya yang agak besar serta berat. Ceramah yang diakhiri pada jam 1.00 petang telah dapat membangkitkan minat beberapa pelajar untuk lebih mendalami bidang ini. Seheinggakan ada diantara mereka bertanyakan kiranya terdapat peluang untuk melakukan aktiviti latihan industri di Fujitsu Component (M) Sdn. Bhd. Sebagai tanda terima kasih, wakil fakulti En. Abd. Rahman telah menyampaikan cenderahati kepada kedua-dua yang hadir tersebut.



## BENGGKEL

### “OUTCOME BASED EDUCATION”

Abdul Rahim Bin Samsudin



Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) telah berjaya melaksanakan Bengkel “Outcome Based Education” (OBE) yang dihadiri oleh 47 staf akademik pada 12 Julai 2008 bertempat di Pusat Konvensyen, Kampus Bandar, UTeM. Bengkel tahunan ini antara lain bertujuan memberi pendedahan mengenai konsep dan pelaksanaan OBE kepada staf akademik yang baru dan ulangan atau peringatn kepada staf lama.

Tumpuan utama dalam bengkel pada kali ini ialah teknik penilaian dan pemantauan berterusan yang perlu dilaksanakan setelah OBE diperkenalkan. Tumpuan juga diberikan bagi memperkemas pelaksanaan OBE selaras dengan keperluan akreditasi program yang ditawarkan oleh FKP. Bengkel sehari ini telah dikendalikan oleh En. Abdul Rahim bin Samsudin dan En. Shariman bin Abdullah. Berikut adalah hasil dapatan daripada kerja kumpulan dan pembentangan jabatan

1. Peserta telah dapat memahami bagaimana menyediakan pernyataan “Learning Outcome” yang baik, iaitu menggabungkan elemen-elemen “verb”, “condition” dan “standard”.
2. “Learning Outcome” bagi sesuatu mata pelajaran sebaik-baiknya hendaklah mengandungi ketiga-tiga domain iaitu “cognitive”, “affective” dan “psychomotor”.
3. Penentuan aras hubungan “Learning Outcome” dengan “Program Outcome” sama ada “substantial”, “moderate” atau “little emphasis” juga telah dapat diputuskan iaitu dengan melihat kepada jumlah “delivery method” dan “assessment”.
4. Penilaian sesuatu “Learning Outcome” adalah ditetapkan daripada awal iaitu semasa menyediakan “Teaching Plan” dan setiap pensyarah atau Penyelaras Mata pelajaran akan menyediakan laporan pencapaian “Learning Outcome” di akhir semester.

## BENGGKEL PEMANTAPAN

### JABATAN REKABENTUK PEMBUATAN

Nurazua binti Mohd Yusop

Bengkel Pemantapan Jabatan Rekabentuk Pembuatan telah diadakan pada 4 – 6 Jun 2008 bertempat di A Famosa Resort, Alor Gajah, Melaka. Bengkel ini disertai oleh seramai 18 orang staf Jabatan Rekabentuk Pembuatan.

Antara objektif bengkel ini adalah

- i. Memantapkan Jabatan Rekabentuk Pembuatan dari segi pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, penyeliaan pelajar dan Projek Sarjana Muda
- ii. Menghasilkan beberapa dokumen panduan untuk rujukan terhadap silibus-silibus dibawah penyeliaan Jabatan Rekabentuk Pembuatan

Disamping itu, bengkel ini turut memberi peluang kepada semua staf untuk mengemukakan cadangan penambakan bagi melancarkan lagi perjalanan aktiviti-aktiviti jabatan. Selain daripada itu, bengkel ini juga telah memperlihatkan kerjasama yang erat di kalangan staf Jabatan Rekabentuk Pembuatan



## Bengkel PEMANTAPAN JABATAN Robotik & Automasi

Nur Aidawaty Bt Rafan



Bengkel Pemantapan Jabatan Robotik & Automasi telah diadakan pada 16 hingga 18 Jun 2008 di Eagle Ranch Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan. Bengkel ini telah diadakan dengan tujuan

- Pemurnian silibus subjek penting dalam kursus Robotik & Automasi
- Perancangan aktiviti jabatan
- Perancangan ROBOCON 2009
- Pembinaan team building di kalangan staf jabatan

Seramai 13 orang staf jabatan telah mengikuti bengkel selama 3 hari 2 malam ini. Selama bengkel ini dijalankan, staf jabatan diberi peluang untuk berbincang, memberikan pandangan dan maklumbalas tentang setiap aktiviti yang dijalankan. Bengkel seperti ini adalah diharapkan dapat diadakan sebagai aktiviti tahunan agar setiap staf jabatan dapat meningkatkan mutu kualiti kerja selaras dengan perkembangan terkini.

## PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT: CERAMAH KERJAYA DAN MOTIVASI UNTUK PELAJAR TINGKATAN 5 (SIRI II)

Muzalna binti Mohd Jusoh

Bertarikh 17 Jun 2008, dan bertempat di Dewan UTeM, Jabatan Pengurusan Pembuatan telah sekali lagi berjaya menganjurkan program Ceramah Kerjaya dan Motivasi untuk Pelajar Tingkatan Lima. Objektif program ini ialah untuk memberi penerangan kepada para pelajar yang bakal menduduki peperiksaan SPM berkenaan dengan syarat-syarat kemasukan ke Institusi Pengajian Tinggi Awam termasuk kaedah pemilihan kursus yang bersesuaian dengan keputusan dan minat pelajar. Selain itu, objektif program ini juga untuk meningkatkan tahap motivasi para pelajar supaya berusaha dengan lebih gigih dan tekun untuk mencapai keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan SPM.

Program tahunan Jabatan Pengurusan Pembuatan ini telah disertai seramai 87 orang pelajar tingkatan lima daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Air Keroh, Melaka. Antara intipati program ialah teknik kemahiran belajar berkesan dan pengurusan masa, latihan dalam kumpulan, cabaran minda dan lawatan ke makmal Fakulti Kejuruteraan Pembuatan.

Diharap program murni ini membantu para pelajar untuk mempunyai hala tuju masa depan yang lebih jelas di samping mempromosikan UTeM sebagai universiti pilihan pelajar.



# How to Statistically Determine the Assembly Tolerances

Bagas Wardono

Suppose that the processes of making three different parts are found to be in good statistical control. The processes are centered at the nominal value and the process capability is about  $\pm 4\sigma_X$ ; that is the specifications of each part are  $8\sigma_X$  wide. The subsequent process of the three parts is to assemble the parts lengthwise. Thus, with parts length of  $L_A$ ,  $L_B$ , and  $L_C$ , the length of the assembled part is  $L_{assembly} = L_A + L_B + L_C$ .


Common question concerning the assembly is: What is the tolerance that should be assigned to the assembly dimension based on the tolerances that have been assigned to each individual part dimensions?

A common answer to this question is that the assembly tolerance is just simply equal to the individual part tolerances, i.e.  $(4\sigma_A + 4\sigma_B + 4\sigma_C)$ . However, when one measures the actual tolerance of the assembly, it turns out that the assembly would have a smaller natural spread, i.e. the actual assembly tolerance is much better than  $(4\sigma_A + 4\sigma_B + 4\sigma_C)$ . Why? There are two important forces at work that govern this problem:

1. Statistical distribution of component dimensions.
2. Random assembly.

When the manufacturing process of each individual part is in statistical control, the length of the parts produced will vary over some range due to common cause variation. Assuming a normal distribution for each part's individual measurement, the distribution of the length will look like a bell shape curve with a spread of  $8\sigma_X$  wide. During the assembly process, naturally each component of the assembled part will be picked randomly. Based on the statistical way of thinking about the lengths of the individual parts, the chances of randomly selecting three parts all in the far right of their respective distribution is extremely small, i.e. assembling parts to obtain  $(L_A + 4\sigma_A) + (L_B + 4\sigma_B) + (L_C + 4\sigma_C)$ . It can be easily determined that, for each component, the probability of getting any one part measurement greater than  $4\sigma_X$  is 0.00003. Thus, the probability of getting three simultaneous parts with length greater than  $4\sigma_X$  is  $(0.00003)^3 = 0.0000000000000027$ . Therefore, obtaining an assembled part with length of  $(L_A + 4\sigma_A) + (L_B + 4\sigma_B) + (L_C + 4\sigma_C)$  is very unlikely. Consequently, it is an unrealistic way to utilize  $(4\sigma_A + 4\sigma_B + 4\sigma_C)$  as the assembly tolerance. Now, the question is how do we determine the assembly tolerance more realistically?

The answer of such question is to employ the third force that governs such situation, which is the additive law of variances  $\sigma_{assembly}^2 = \sigma_A^2 + \sigma_B^2 + \sigma_C^2$ . In terms of the standard deviation of the assembly,  $\sigma_{assembly} = \sqrt{\sigma_A^2 + \sigma_B^2 + \sigma_C^2}$ . Now, if the assembly tolerance is also set at  $\pm 4\sigma_{assembly}$ , all assemblies will fall within  $\pm 4\sqrt{\sigma_A^2 + \sigma_B^2 + \sigma_C^2}$ . It can be seen here that the statistically obtained tolerance is far smaller than the assembly tolerance obtained additively, i.e.  $4\sqrt{\sigma_A^2 + \sigma_B^2 + \sigma_C^2} \ll (4\sigma_A + 4\sigma_B + 4\sigma_C)$ .




## POLLUTION CONTROL & PREVENTION METHODS IN METAL CASTING MANUFACTURING INDUSTRIES

Dr.Thoguluva Raghavan Vijayaram PhD

### Abstract

Foundry operations have significant environmental impacts, both within and beyond the casting production plant. Whilst the primary focus of casting technology is upon the economic manufacturing of castings, it is increasingly necessary to take account of effects of the processes, not just upon working conditions for foundry employees, but upon the wider environment and its communities. This article describes several approaches and methodologies for the preparation of pollution prevention. The source of pollution and different types of pollutants emitted from different areas in a foundry are explained in this paper. Some of the foundry pollution controlling methods are presented. A few guidelines have been provided to the foundry man to control and prevent pollution in foundries. It is envisioned and expected that the information provided in this paper will be useful to the foundries, particularly to their plant operators and environmental engineers.

Keywords: Pollution, pollutants, emissions, gaseous waste, scrubbers, cyclones



### 1.0 Introduction

Pollution prevention in foundries is the judicious use of materials, process energy, and foundry practices that avoid or reduce the creation of pollutants and wastes. It focuses primarily on source reduction through cast product changes and process changes, and secondarily, on on-site recycling methods. Cleaner casting production encompasses production processes and management procedures that entail less use of resources than conventional technologies and generate less waste and smaller amounts of toxic or other harmful substances. It emphasizes the human and organizational dimensions of foundry environmental management, including good casting plant operation to avoid deliberate or accidental discharges. Today, cleaner production aims to include everything from the drawing board to final disposal or reuse of the product. Cleaner casting production and pollution prevention can reduce the quantities of waste and eliminate some foundry pollutants, but treatment and disposal of remaining wastes are required. Ferrous and Non-ferrous foundries specialize in melting and casting metal into desired shapes. The waste products produced by foundries directly relate to the metal type, the furnace type, and the molding technology used. Foundries that use sand moulds generate the most waste from sand. Non-ferrous foundries and steel foundries may produce hazardous waste because of the lead, zinc, cadmium and other metals present in the waste. Cupola furnaces produce more air pollution than induction furnaces due to coke use and sand castings produce more solid waste than permanent moulds because of the sand fines that cannot be reused. By volume, gaseous waste is the largest waste source from foundries. Liquid pollution makes up a small portion of the total waste stream from foundries. Liquid waste comes from non-contact cooling water used to cool metal and other work pieces or from wet scrubber air emissions systems. Water runoff from floor cleaning and other maintenance procedures may also produce liquid waste. Pouring and cooling steps contribute about 16% of the total organic and semi-volatile wastes from foundries. Emissions from the pouring process depend on the metal temperature.



### 2.0 Pollution Induced During Casting Processing in Foundries

Casting processing are based on technologies where are used high quantities of different raw materials and chemical substances resulting wastes which pollute the biosphere which comprise all our planet's ecosystems. Among the mechanical engineering and manufacturing engineering branches, the metallurgical, iron, and steel industry, especially metals processing in foundries, are the sectors with the highest level of pollution, as a result of different specific technological processes of these activities. The different technologies, the multitude of used materials, the different pieces of sizes, their complexity, the thermal effect of the processes, the NOxes emitted, the energy and the absorbent character of the process in general, all these have an influence upon the working conditions in foundry. Each sector of activity in a foundry has besides productive results as cast moulding pieces a certain pollutants quantity. The chemical substances released in the atmosphere following the technological processes from the metallurgical industry, no matter if gases, dust, liquid, or solid waste, among which sulphur, nitrogen, carbon, oxides, metal oxides but also metal powders producing a continuous and progressive degradation of the environment on more wide areas proving their presence due to their higher concentrations or their presence for a long time inducing a chronic toxicity through accumulation. The major pollution induced by the specific activities from foundries represents the air pollution. The most influenced areas are those around the equipments, which due to the technological processes accomplished have as result emissions of different pollutants. Pollutants emitted from various work area in a foundry are given in Table -1

**TABLE 1**  
**MAJOR POLLUTANTS EMITTED FROM VARIOUS WORK AREAS IN A FOUNDRY**

Type Of Working Area Location In The Foundry	Type Of Pollutants Emitted With Reference To The Work Location In The Foundry
Pattern Shop	Saw dust and Wood Chips
Sand Preparation	Dust and Powder Materials
Molding and Core Making Section	Sand, Binder Dust, and Vapors
Mould Drying and Ladle Heating	Carbon Monoxide and Sulphur Dioxide
Cupola Furnace	Carbon Monoxide, Sulphur Dioxide, Unburnt Hydrocarbons, Smoke, Metallic-Oxides, Coke Dust, Lime Stone Dust, and Fly ash
Electric Arc Furnace	Dust, Oxides, Nitrogen Cyanide, Fluorides, Carbon Monoxide, and Sulphur Dioxide
Electric Induction Furnace	Dust, Oxides, and Smoke
Pouring and Mould Cooling	Carbon Monoxide, Binder Fumes, and Oil Vapors
Knock-Out Section	Sand, Fines, Dust, Smoke, Steam, and Vapors
Fettling	Metal Dust, Sand Fines, and Abrasive Powder
Heat Treatment	Oil Vapors, Carbon Monoxide and Sulphur Dioxide

### 3.0 Pollution Controlling Methods in Foundries

The pollution controlling methods commonly adopted in foundries are explained one by one. Filters serves for removing the particulate matter from gas or air streams by retaining it in or on the porous structure through which the gas flows. The porous structure is usually a woven or felted fabric. The filler must be continuously or periodically cleaned or replaced. The filtering action may be obtained in various ways, such as direct interception, impaction, diffusion, and electrostatic precipitation. Filters are commonly employed in pattern shops on various wood working machines, such as band saw, circular saw, and sanding machines. They are also used on cupola collection systems in conjunction with other equipment, such as after burners, gas coolers, recuperators, and exhaust blowers. Sand reclamation plants are also use bag house filters for separating fines from sand grains. Cyclones works on the principle of centrifugal separation, in which a vortex motion of the particulate matter is created within the collector. This motion provides the centrifugal force that propels the particles to locations from where they may be removed. Besides, they may either deposit the particulate matter in a hopper or concentrate it into a stream of gas that flows to another separator for ultimate collection. The cyclone is used in sand separation plants for separating sand particles from air, in cleaning the cupola exhaust, in molding shops, and on shake out stations. Cupola exhaust systems often make use of mechanical collectors. Mechanical collectors include settling chambers, baffled chambers, and fan arrangement, which collect particulate matter by gravity or centrifugal force but do not depend upon a vortex as in the case of cyclones. As their efficiency of collection is generally rated low, they are used as precleaning devices before other types of collectors. They also function in combination with filters or scrubbers. Scrubbers are employed primarily for removing gases and vapor phase contaminants from the carrier gas, though it can also remove particulate matter. A liquid, usually water, is introduced into the collector and it either dissolves or chemically reacts with the contaminant collected. Methods used to affect a contact between scrubbing liquid and carrier gas includes; spraying the liquid into chambers containing baffles, grills, or packing; flowing the liquid over weirs; and bubbling the gas through tanks or troughs of liquid. Scrubbers are ideal for cleaning exhausts of cupola furnace and electric arc furnace.



### 4.0 Guidelines for Foundries to Control and Prevent Pollution

The following foundry pollution prevention measures should be considered.


- 1 Prefer induction furnaces to cupola furnaces.
- 2 Replace the cold-box method for core manufacture, where feasible.
- 3 Improve feed quality: use selected and clean scrap to
- 4 Reduce the release of pollutants to the environment. Preheat scrap, with afterburning of exhaust gases.
- 5 Store scrap under cover to avoid contamination of storm water.
- 6 Provide hoods for cupolas or doghouse enclosures for Electric arc furnaces and induction furnaces.
- 7 Use dry dust collection methods such as fabric filters instead of scrubbers.
- 8 Use continuous casting for semi finished and finished products wherever feasible.
- 9 Store chemicals and other materials in such a way that spills, if any, can be collected.
- 10 Control water consumption by recirculating cooling water after treatment.
- 11 Use closed-loop systems in scrubbers where the latter are necessary.
- 12 Reduce nitrogen dioxide emissions by the use of natural gas as fuel, use low-nitrogen dioxide burners.
- 13 Reclaim sand after removing binders.



### 5.0 Discussions and Conclusions

